

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT**  
**KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT]**

**TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan secara terperinci mengapa harga komoditi seperti lada hitam, getah dan sawit telah turun mendadak dan sehingga hari ini kekal ditahap yang amat rendah. Sehubungan dengan itu, jelaskan apa tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini sebagai strategi menangani masalah yang membebankan kesemua "*stakeholders*" yang terlibat dalam industri utama ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara punca kejatuhan harga **minyak sawit** adalah seperti berikut:

- (i) lebih bekalan minyak sawit di pasaran tempatan;
- (ii) kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa yang merupakan barang pengganti kepada minyak sawit; dan
- (iii) pergerakan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika.

Faktor kejatuhan **harga getah** adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

## SOALAN NO. 16

- (i) ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat yang memberi kesan kepada ketidaktentuan pasaran komoditi getah asli, mata wang dan pasaran saham dunia;
- (ii) kelemahan harga getah di pasaran hadapan getah di Tokyo, Shanghai dan Singapura disebabkan stok getah yang tinggi, aktiviti spekulasi yang berlebihan dan kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China; dan
- (iii) pertumbuhan ekonomi China yang perlahan berikutan usaha kerajaan China mengetatkan dasar kewangan dan memfokuskan kepada penggunaan domestik serta impak ketegangan perdagangan.

Bagi komoditi **lada** pula, punca kejatuhan harga adalah disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran terutamanya di Vietnam dan juga faktor keadaan pasaran yang kurang aktif.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha agresif dan proaktif terbaharu Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimport melalui langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;
- (ii) Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu melibatkan empat syarikat

Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu;

- (iii) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara; dan
- (iv) Kementerian juga telah menghadiri Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council (ITRC) 2019* di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju bahawa *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* merupakan instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Dalam hal ini, mesyuarat bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan AETS ke-6 bagi menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 200,000 hingga 300,000 tan. Mesyuarat ITRC pada peringkat pegawai telah menyusuli perkara ini pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dan telah menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) Free On Board (FOB)* telah meningkat sebanyak 14.8% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM5.98/kilogram pada 6 Mac 2019.

Sekian terima kasih.